

Terdapat beberapa jenis rumah tradisional Melaka berdasarkan jumlah tiang yang digunakan iaitu enam, 12 dan 16.

Serambi terletak di hadapan rumah ibu yang bersambung dengan tangga batu.

Secara umumnya diperbuat daripada kayu yang mempunyai dua bahagian utama - rumah ibu atau ibu rumah dan rumah dapur atau ibu dapur.

Terdapat dua jenis rekaan asas tangga:

- mempunyai tempat pemegang di kiri dan kanan (saiz tangga lebih besar di bahagian bawah dan semakin mengecil di bahagian atas, rekaannya menarik serta mempunyai hiasan tambahan jubin bercorak)
- Tidak mempunyai pemegang kiri kanan (lebih ringkas, turut diperindahkan dengan jubin berwarna tanpa corak).

Penggunaan tangga di bahagian hadapan rumah ibarat komunikasi bukan lisan yang memberitahu status pemilik rumah tersebut.

Namun tidak semua rumah kayu tradisional di Melaka menggunakan tangga batu.

## Rekaan unik tangga batu identiti rumah Melaka

Seni bina rumah kediaman tradisional masyarakat Islam di Malaysia kebanyakannya diperbuat daripada kayu. Rekaan rumah yang tinggi daripada tanah memerlukan tangga untuk kemudahan penghuni. Melaka mempunyai satu rekaan tangga yang unik dari segi bahan dan juga rekaan. Keunikan ini menjadikan rekaan rumah tradisional Melaka lebih mudah dikenali.

Dalam satu kajian mengenai rumah Melayu Melaka yang dijalankan pada tahun 2001, terdapat beberapa jenis rumah tradisional Melaka berdasarkan jumlah tiang yang digunakan iaitu enam, 12 dan 16.

Seni bina rumah tradisional Melaka secara umumnya diperbuat daripada kayu yang mempunyai dua bahagian utama yang dipanggil rumah ibu atau ibu rumah dan rumah dapur atau ibu dapur yang kemudiannya bersambung dengan pelantar dapur. Di bahagian depan rumah ibu terdapat bahagian yang dikenali sebagai serambi dan seterusnya tangga batu yang menjadi alat untuk penghuni dan tetamu naik serta turun.

Tangga batu yang terletak di bahagian serambi ini sering diletakkan di bahagian hujung serambi sama ada di sebelah kanan atau kiri. Namun begitu terdapat juga tuan rumah yang memilih untuk meletakkan tangga batu di bahagian pintu rumah dapur atau kedua-duanya sekali.

Terdapat dua jenis rekaan asas tangga. Pertama tangga yang mempunyai tempat pemegang di kiri dan kanan dan yang kedua, rekaan tangga yang tidak mempunyai tempat pemegang di bahagian kiri dan kanan. Rekaan pertama selalunya mempunyai saiz tangga yang lebih besar dan lebih menarik kerana ia sering mempunyai hiasan tambahan yang merupakan kepingan jubin bercorak dan berwarna yang dilekatkan di setiap anak tangga. Bentuk tangga lebih besar di bahagian bawah dan semakin mengecil di bahagian atas.

Untuk rekaan tangga batu yang kedua, ia lebih ringkas berbanding rekaan pertama. Juga diperindahkan dengan kepingan jubin berwarna tanpa corak. Warna yang sering menjadi pilihan ialah seperti merah, putih dan biru muda. Tangga yang tidak mempunyai hiasan jubin selalunya diwarnakan dengan warna merah. Ia bukan sahaja menarik dari segi visual malah selalunya ia turut menjadi pilihan laluan utama tetamu,

### kesenian islam



Oleh ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA

rosmahwati@ukm.edu.my

Rekaan tangga yang mempunyai tempat pemegang selalunya menyerupai depangan tangan yang mengalukan kedatangan tetamu. Rekaannya yang sangat mesra ditambah dengan warna-warna segar pada hari ini yang menambahkan lagi seri rekaan tangga batu rumah Melaka.

Namun begitu tidak semua rumah kayu tradisional di Melaka menggunakan tangga batu. Terdapat juga rumah tradisional yang menggunakan tangga kayu atau kedua-duanya sekali. Penggunaan tangga di bahagian hadapan

rumah ibarat komunikasi bukan lisan yang memberitahu status pemilik rumah tersebut. Sebagai contoh rumah penghulu Mat Natar yang terletak di daerah Jasin Melaka.

Rumah Penghulu Mat Natar yang dibina pada tahun 1895 ini mempunyai rekaan tangga batu tradisional yang paling cantik pada hari ini. Ia merupakan contoh terbaik yang melambangkan rekaan tangga rumah dan status pemilik. Rumah ini mempunyai tangga batu dengan sembilan anak tangga yang mempunyai pelantar kecil di anak tangga kelapan sebelum sampai ke anak tangga ke sembilan. Rekaan tangga sebegini amat istimewa bersesuaian dengan kedudukan beliau sebagai Penghulu pada waktu itu. Kenali dan cintai warisan seni Islam tempatan.

**REKAAN** unik tangga batu rumah Penghulu Mat Natar dengan rekaan pelantar di anak tangga kelapan.

